

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 4/2001**

=====

TEMPOH BAYARAN BAGI RAYUAN PREMIUM

1. TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua Pentadbir Tanah Daerah mengenai tempoh bayaran premium setelah rayuan diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.

2. LATAR BELAKANG

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri semasa membincangkan kekurangan kutipan hasil negeri mendapati salah satu sebab utama ialah bayaran premium yang dikenakan masih belum dijelaskan oleh pemilik-pemilik tanah walaupun telah mendapat keputusan rayuan premium mereka. Sehubungan itu Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah mengarahkan semua Pentadbir Tanah Daerah membuat pemantauan ke atas pemilik-pemilik tanah yang masih belum menjelaskan bayaran premium selepas 3 bulan ekoran keputusan rayuan premium.

3. TEMPOH DAN PELAKSANAAN

3.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) yang bersidang pada 5 Jun 2001 telah membuat keputusan bahawa tempoh bayaran premium bagi permohonan-permohonan rayuan premium yang diluluskan pengurangan jumlah bayaran yang dikenakan ke atas pemberimilikan tanah dan tukar syarat syarat tanah hendaklah dijelaskan dalam tempoh 3 bulan dari tarikh notis Borang 5A atau Borang 7G baru dikeluarkan. Ini bermakna sekira pemohon gagal menjelaskan bayaran dalam tempoh yang dinyatakan dalam borang yang berkaitan maka tanah yang telah diberi kelulusan pemberimilikan akan ditarik balik dan tempoh tukar syarat tanah dianggap luput.

3.2 Ini bermakna pemohon dikehendaki mengemukakan semula permohonan pemberimilikan tanah atau menukar syarat tanah dan dikenakan bayaran-bayaran seperti yang ditetapkan mengikut Kaedah-kaedah Tanah Selangor, 1966.

- 3.3 Pemohon dibenarkan membuat rayuan pengurangan premium sebanyak dua (2) kali sahaja. Sekiranya rayuan pertama ditolak oleh Pihak Berkuasa Negeri, maka pemohon boleh membuat rayuan kali kedua kepada YAB. Dato' Menteri Besar tidak lewat dari 6 bulan sebelum tamat tarikh bayaran premium yang ditetapkan di Borang 5A atau Borang 7G. Pentadbir Tanah hendaklah menolak terus rayuan kali ketiga secara 'summary rejection'. Pemohon yang gagal menjelaskan bayaran premium setelah diluluskan pengurangan premium tidak akan dipertimbangkan perlanjutan tempoh bayaran premium.

4. KUATKUASA

Pekeliling ini berkuatkuasa mulai tarikh ia dikeluarkan.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

T.T
(DATO' ASAHA @ ISHAK ABONG)
Pengarah Tanah dan Galian,
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : 6 September 2001